

Malaysia akan utamakan isu pencerobohan

Oleh AZIZ HASSAN

NEW DELHI, Rabu — Malaysia akan mengutamakan soal perselisihan dunia serta pencerobohan kuasa asing dalam sidang ketua-ketua Kerajaan Komanwel yang bermula hari ini. Justeru itu, perwakilan kita yang diketuai oleh Menteri Luar Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie berharap negara-negara anggota yang lain akan bersama-sama Malaysia dalam melahirkan keseimbangan ini.

Seperti kata Ketua Setiausaha di Wisma Putra, Tan Sri Zakaria Ali kepada para wartawan dari Kuala Lumpur semalam, Malaysia berpendapat, kesemua negara mesti berusaha meredakan ketegangan sekarang.

Pendirian kita mengenai isu Turki-Cypriot telah pun dikeluarkan di Kuala Lumpur Isnin lalu dan dipercayai telah diketahui oleh para perwakilan tapi dalam perbincangan politik nanti,

masalah pencerobohan tentera Vietnam di Kampuchea akan lagi sekali menjadi tumpuan Malaysia bersama Singapura.

Dari segi politik, menurut sumber-sumber di sini soal kemerdekaan Namibia, Grenada dan Turki-Cypriot mungkin mendapat tempat utama, selaras dengan pendirian India sendiri dan sebagai negara tuan rumah yang tidak mengiktiraf kerajaan campuran di Kampuchea, India akan sedaya upaya untuk menyelesaikan isu itu.

Mengenal ekonomi pula, Malaysia berpendapat dengan hampir semua negara membangun atau ketiga yang kurang puashati dengan dialog utara-selatan dan akan mengemukakan betapa pentingnya dialog tersebut.

Mesyuarat dua tahun sekali ini dirasmikan oleh Perdana Menteri Puan Indra Gandhi. Ini diikuti oleh ucapan Setiausaha Agung Komanwel, Encik Shridath

Ramphal dan ucapan-balas lima ketua kerajaan.

Perbincangan akan bermula tengah hari ini dan pada hari Jumaat, ketua-ketua kerajaan akan bertolak ke bandar sejarah Goa, untuk berihat sambil bekerja tanpa pegawai masing-masing. Mereka dijadualkan pulang ke sini pada hari Ahad, iaitu hari rehat. Hari terakhir mesyuarat ialah Isnin.

Susunan dewan mesyuarat serta agendanya diatur untuk membolehkan para pemimpin dan pegawai berbincang dalam suasana tenang tapi berkesan. Untuk beberapa sptl, mereka akan berunding tanpa teks laporan dan sebagainya.

Malam tadi, Tan Sri Ghazali dan perwakilan kita diraikan dalam jamuan makan di kediaman Pesuruhjaya Tinggi Malaysia Encik Razalli Ismail.

Tan Sri Ghazali yang tiba dari Bangkok pada tengah malam Isnin, pelepasan diterima mengadap oleh Ratu Elizabeth dan Putera Philip yang sedang dalam lawatan rasmi ke India.



Tan Sri Zakaria